

*Dialog Intelektual Mengenai*  
**ISLAM LIBERAL/  
PLURALISME**



**Mohd. Nakhaie Ahmad**



*Dialog Intelektual Mengenai*  
**ISLAM LIBERAL/  
PLURALISME**

Oleh:  
: Mohd. Nakhaie Ahmad

PUSTAKA PERDANA



1011081



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPEMIMPINAN  
PERDANA

## Dialog Intelektual Mengenai Islam Liberal/Pluralisme

© Mohd. Nakhaie Ahmad 2014

Cetakan Pertama 2014

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar ke dalam sebarang bentuk atau sebarang alat jua pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, internet, rakaman dan sebagainya, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada pengarangnya atau ahli warisnya.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd Nakhaie Ahmad

Dialog Intelektual Mengenai Islam Liberal/Pluralisme/Mohd Nakhaie Ahmad.

ISBN 978-967-12728-1-7

1. Islam Liberal. 2. Reading, Dialog Intelektual, of. I. Judul.

000.0000

*Penerbit*



PERKIM Bahagian Wilayah Persekutuan  
Suite 16 E&F, Tingkat 16,  
Bangunan PERKIM,  
150 Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur.

*Dicetak oleh*

Sepantas Kurnia(M) Sdn. Bhd.

No. 50, Jalan Seri Aman, Taman Seri Aman  
Batu 8, 43200 Cheras, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-9074 3009 Faks: 03-9080 4049

Email: [sepantaskrn@yahoo.com](mailto:sepantaskrn@yahoo.com)

297-28  
MNA

## Kandungan

<b>1. KATA PENGANTAR</b>	<b>5</b>
<b>2. PENDAHULUAN</b>	<b>9</b>
 <i>BAHAGIAN I : Gagasan Islam Liberal</i>	
<b>3. MENDUKUNG FAHAMAN PLURALISME</b>	<b>19</b>
• Akar Faham Pluralisme Agama	21
• Konsep Umum Pluralisme Agama	29
• Falsafah Perennial	30
• Kesatuan Transenden Agama-Agama	37
• Pluralisme Agama John Hick	40
• Islam Dan Pluralisme	42
<b>4. MENGUSUNG FAHAMAN SEKULARISME</b>	<b>53</b>
<b>5. TAFSIRAN SEMULA AJARAN ISLAM</b>	<b>61</b>
• Hermeneutika	68
• Kritikan Terhadap Pembaharuan Islam Liberal	71
• Kitab Tanzil Dan Kitab Takwil	76
• Penggunaan Hermeneutika	80
• Beberapa Produk Pembaharuan Islam Liberal	82
<b>6. TRANSFORMASI SOSIAL</b>	<b>85</b>
<b>7. KESIMPULAN</b>	<b>99</b>



## *BAHAGIAN II :Dialog Mengenai Pluralisma dan Pergolakan Sosial*

<b>8. KEBEBASAN BERFIKIR DALAM ISLAM SUMBER PLURALISME?</b>	<b>103</b>
• Manusia MakhluK Sedarjat	124
• Masalah Membaca Teks	133
<b>9. MAZHAB SYAFF'E PRODUK PERGOLAKAN SOSIAL?</b>	<b>163</b>
<b>10. IBNU AL-ARABI SEORANG PLURALIS?</b>	<b>191</b>
<b>11. PENUTUP</b>	<b>203</b>
<b>12. BUKU-BUKU RUJUKAN</b>	<b>207</b>

# KATA PENGANTAR

الحمد لله الذي هدانا إلى الإسلام وأنعم علينا حلاوة الإيمان وهي خير النعم،  
وسهل لنا بنور هدايته السبل لإتباع سنة خير الأنام، والصلاة والسلام  
على رسوله الأكرم ، وعلى أله الطاهرين وأصحابه الأخيار وهم صفوة الأعلام.

Bersyukur kepada Allah S.W.T kerana memancarkan hidayahNya kepada penulis untuk berkarya dan membuka ruang waktu yang secukupnya untuk menyusun perbincangan dan dialog ini dengan para tokoh Islam Liberal/Pluralisme di kalangan orang-orang Islam yang telah terpengaruh dan turut mendukung fahaman-fahaman yang pada mulanya diwacanakan dalam masyarakat non-Muslim.

Tulisan ini adalah siri kedua daripada tulisan saya mengenai pluralism agama. Siri pertama, merupakan respon kepada ucapan saudara Anwar Ibrahim mengenai persoalan ini yang disampaikan beliau di London School of Economics. Perbincangan dalam tulisan itu terikat kepada ucapan itu yang pastinya, kurang jelas bagi pembaca yang tidak mengikuti perkembangan pemikiran mengenai pluralisme agama. Justeru saya rasa bertanggungjawab untuk meninjau secara lebih terperinci mengenai isu ini dan pertaliannya dengan Islam. Ini, bertujuan menjelaskan pendirian sebenar Islam mengenai pluralisme agama yang sering dikaitkan dengannya oleh golongan Islam Liberal dalam wacana mengenai pluralisme agama dan Islam. Antara persoalan dan kenyataan dalam wacana-wacana tersebut memberikan penegasan bahawa pluralisme agama itu berakar-umbikan ajaran Islam, khususnya doktrin Sufisme. Dalam hal ini mereka menyeret beberapa orang tokoh terkemuka ilmuwan Islam ke dalam perbincangan dan mengaitkan pluralisme dalam pandangan mereka mengenai agama. Antara tokoh-tokoh Islam yang dilibatkan dalam kaitan tersebut ialah Jalaluddin Al-Rumi dan Mahyuddin Ibn 'Arabi. Bahkan ajaran-ajaran Al-Quran dan Sunnah juga turut dikaitkan sebagai bukti adanya akar umbi pluralisme agama di dalam Islam.



Pluralisme Agama itu hanya sebahagian daripada kandungan pemikiran Islam Liberal. Jadi, ada baiknya saya berbicara mengenai Pluralisme Agama itu sebagai sebahagian daripada ajaran Islam Liberal. Ini membolehkan perbincangan mengenai Pluralisme itu disekalikan dengan perbincangan mengenai pemikiran-pemikiran yang lain yang terangkum dalam pembentukan gagasan Islam Liberal. Saya kira dengan membicarakan Pluralisme Agama sebagai sebahagian daripada gagasan Islam Liberal, pembaca dapat melihat dengan lebih menyeluruh peranan Pluralisme Agama dan bagaimana ianya digunakan bagi menempatkan Islam di dunia moden dan apakah natijah di sebalik usaha-usaha itu. Ini, diikuti dengan perbincangan mengenai elemen-elemen lain dalam pemikiran Islam Liberal yang saya kumpulkan sebahagiannya yang penting sahaja untuk paparan yang lebih jelas mengenainya. Saya berdoa kepada Allah S.W.T. supaya menjadikan risalah ini pembuka jalan kebenaran untuk difahami oleh pembaca mengenai pluralisme agama dan Islam Liberal yang sedang giat diwawarkan dalam masyarakat Islam kini.

Di samping menjelaskan gagasan Islam liberal secara am, saya membawa para pembaca meneliti cara berfikir pendukung-pendukung gagasan Islam liberal ini menerusi dialog dengan beberapa tokoh Islam liberal secara intelektual. Penyertaan tokoh-tokoh pemikir Islam Liberal/ Pluralisme dalam dialog ini adalah melalui buku-buku yang mereka tulis. Saya salin secara terperinci atau secara umum tulisan mereka, untuk saya membuat ulasan dan kritikan di mana perlu. Tujuannya ialah untuk menyingkap kebenaran dan menolak pemikiran menyesatkan atau menimbulkan keraguan terhadap ajaran-ajaran Islam dan kefahaman para ilmuwan Islam yang menjadi rujukan dan pegangan kita dalam memahami agama.

Sebenarnya, banyak isu-isu yang dapat didialogkan. Untuk mengelak daripada dialog ini menjadi begitu panjang, saya memilih tajuk-tajuk tertentu sahaja untuk disajikan dalam buku ini. Jika diberi kesempatan yang lebih luas, InsyaAllah akan saya lanjutkan perbincangan dengan tajuk-tajuk yang lain. Tajuk-tajuk yang saya pilih

ialah mengenai kebebasan berfikir dan kepelbagaian agama, kritikan terhadap Imam al-Syafi'e oleh kaum liberal dan manipulasi mereka terhadap Ibn Al-Arabi bagi memperkasakan pengusungan mereka terhadap pemikiran liberalisme/pluralisme agama. Tokoh-tokoh liberal yang saya pilih untuk didialogkan pemikiran mereka ialah K.H. Husein Muhammad dari Indonesia dan Nasr Hamid Abu Zaid dari Mesir.


Saya harap sumbangan yang tidak seberapa ini akan memberi sedikit pencerahan di dalam menghadapi tentangan pemikiran dan ideologi yang dihadapi masyarakat Islam masa kini. Wassalam.

**Mohd. Nakahie Ahmad**

Sungai Ramal Dalam.

Kajang Selangor Darul Ehsan.


13hb. Disember, 2013



# PENDAHULUAN

Mutakhir ini muncul golongan yang digelar sebagai golongan Islam Liberal. Mereka terdiri daripada kalangan intelektual muslim yang berusaha membuat perubahan ke atas cara memahami Islam dengan melakukan tafsiran terhadap teks al-Qur'an dan as-Sunnah dengan cara-cara dan kaedah baru tanpa terikat kepada tradisi keilmuan Islam dan perbendaharaan ilmu yang berkembang dalam jangka masa yang panjang ketika penguasaan tamadun Islam dan perkembangan pesat ilmu pengetahuan sejak zaman sahabat lagi. Mereka berusaha memahami teks keagamaan itu tanpa terikat kepada tradisi keilmuan Islam dan tanpa perlu bergantung kepada perbendaharaan ilmu pengetahuan yang dihasilkan dari tamadun Islam itu. Mereka mahu bebas daripadanya dan menggunakan kebebasan untuk mengambil kaedah daripada tradisi keilmuan baru atau memahami teks tersebut mengikut apa yang difikirkan oleh mereka sebagai relevan. Jika mereka menyandar kepada tradisi keilmuan warisan sekalipun, mereka memahaminya mengikut kesesuaian dengan apa yang difikirkan mereka secara bebas itu.

Salah satu daripada hasil kebebasan mereka berfikir dan membuat tafsiran terhadap teks agama ialah penerimaan mereka terhadap fahaman pluralisme agama. Mereka pendukung fahaman ini dan mempertahankannya dengan penuh kesungguhan dan menggunakan seluruh keupayaan intelektual yang ada untuk menegakkannya.



Mereka berusaha merombak sistem berfikir para ilmuwan Islam untuk memahami Islam dalam bentuk dan keadaan yang sesuai dengan zaman dan untuk sama-sama bergerak mengikut keperluan dan kehendak zaman ini. Tujuan mereka ialah untuk melihat umat Islam dan negara-negara Islam maju dan berjaya, seiring dengan kemajuan yang dinikmati oleh bangsa-bangsa yang maju di dunia, terutama bangsa Barat.

Mereka memperjuangkan untuk umat ini, perjuangan yang dilalui oleh bangsa-bangsa Barat dengan mendukung demokrasi, kebebasan, persamaan gender dan hak asasi manusia. Fahaman pluralisme dijadikan salah satu yang diungkapkan untuk memenuhi tuntutan kebebasan beragama dan kerukunan dalam kehidupan beragama dan bermasyarakat di dalam sesebuah negara moden. Mereka berusaha melonjakkan dunia dan masyarakat Islam ke tahap yang setanding dengan masyarakat maju di Eropah dan di Asia, dengan andaian bahawa yang menghalang kemajuan itu ialah fahaman-fahaman agama. Yakni cara pandang umat terhadap agama Islam yang tidak relevan dengan keadaan semasa.

Antara usaha-usaha yang dilakukan oleh mereka bagi mencapai tujuan itu ialah dengan merombak kerangka pemikiran untuk memahami Islam yang diwarisi daripada tradisi keilmuan Islam. Antara usaha itu ialah mengkritik tokoh-tokoh ulama' Islam dan para mujtahid yang meletakkan asas-asas kefahaman Islam, seperti Imam al-Syafi'e.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa Imam al-Syafi'e adalah diantara mujtahid yang berpengaruh di kalangan umat Islam. Beliau telah mengasaskan antaranya ilmu usul-fiqh sebagai suatu kaedah mantap untuk memahami Islam dari sumbernya yang asasi iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Dengan menggugat asas-asas yang dibina oleh Imam al-Syafi'e, mereka akan berjaya menghapuskan halangan besar di dalam perjalanan untuk melakukan pentafsiran dan kefahaman baru mengenai Islam dari kedua-dua sumber asasi itu.

Di samping itu, mereka juga berusaha menarik beberapa ulama' Islam seperti al-Razi dan Ibn Al-Arabi ke dalam kem mereka dengan tujuan untuk memperkasakan jalur pemikiran mereka dengan anggapan ia adalah selari dengan pemikir-pemikir Islam progresif di zaman dahulu. Bagaimana pun sudut pandang mereka yang prima, selari dengan pemikiran-pemikiran sekular di Barat. Pergerakan mereka juga seiring dengan pergerakan kebebasan di Barat yang mendukung demokrasi, kebebasan beragama, persamaan gender dan hak-hak asasi manusia mengikut cara pandang Barat mengenai persoalan-persoalan tersebut.

Islam Liberal adalah pada mulanya terkandung dalam judul sebuah buku yang ditulis oleh Charles Kurgman mengenai Islam, "*Wacana Islam Liberal, Pemikiran Islam Kontemporer Tentang Isu-isu Global*" diterbitkan oleh Paramadina, Jun 2001. Judul asal dalam bahasa Inggeris ialah "*Liberal Islam. A Source of Book*" yang beredar di Amerika Syarikat sejak 1998. Buku tersebut mengkaji trend pemikiran di kalangan sekumpulan intelektual Muslim yang mempunyai jalan berfikir yang berbeza daripada tatacara berfikir para ulama' dan intelektual Islam fundamental yang dilihat konservatif dan eksklusif.

Penggunaan istilah "*Islam Liberal*" itu sangat meragukan dan mengelirukan. Ini ialah kerana Kurgman memasukkan ke dalam kategori Islam Liberal itu nama-nama yang tidak wajar dimasukkan di kalangan mereka yang mempunyai tatacara berfikir liberal sebagaimana cara berfikir golongan liberal di Barat dalam hubungan mereka dengan agama, yang membawa misi pembaharuan total dalam masyarakat Barat. Tetapi istilah tersebut telah difahami sebagai rujukan kepada jalan berfikir tertentu dalam memahami Islam. Jalan berfikir yang digagaskan untuk mencapai objektif tertentu yang dapat difahami sebagai sebuah gagasan pemikiran yang dikaitkan secara benar atau tidak, dengan Islam. Bagaimana pun gagasan pemikiran ini banyak menerima pengaruh pemikiran liberal di Barat. Golongan inilah yang dimaksudkan dengan golongan "*Islam Liberal*".



Golongan Islam Liberal ini berbeza dengan golongan ahli-ahli falsafah Islam atau Falasifah yang juga diberi gelaran oleh sesetengah penulis sebagai golongan liberal. Mereka terdiri daripada golongan elit intelektual yang meletakkan akal sebagai instrument intelektual yang setanding dengan Wahyu dan sama-sama menjadi petunjuk kebenaran. Penderian mereka berbeza dengan kalangan intelektual yang disebut sebagai golongan konservatif dan pemuka-pemuka trend pemikiran arus perdana Ahlul Sunnah Wal-Jama'ah

Pada umumnya golongan ini berpendapat bahawa (1) semua agama adalah sama, (2) al-Quran harus ditafsirkan semula berdasar tujuan umum syari'ah dengan menggunakan methodologi yang sofistikated dan moden, (3) dunia Islam perlu membuat pembaharuan dalam beragama secara menyeluruh dalam tiga lapangan utama iaitu teologis/keagamaan, reformasi politik/birokrasi dan transformasi sosial.

Menurut Luthfi Assyaukanie yang juga seorang daripada penganut Islam Liberal di Indonesia menyebut bahawa paling tidak ada empat agenda utama yang menjadi payung bagi persoalan-persoalan yang dibahas oleh para pembaru dan intelektual Muslim selama ini. Yakni, agenda politik, agenda toleransi agama, agenda emansipasi wanita dan agenda kebebasan berekspresi. Kaum Muslimin, katanya, dituntut melihat empat agenda ini dari perspektif mereka sendiri dan bukan dari perspektif masa silam yang lebih banyak memunculkan kontradiksi ketimbang (berbanding) penyelesaian yang baik. Agenda pertama adalah agenda politik. Yang dimaksudkan dengan agenda ini adalah sikap politik kaum Muslimin dalam melihat sistem pemerintahan yang berlaku. Secara teologis persoalan ini boleh dibilang sudah selesai. Ali Abd ar-Raziq, Ahmad Khalafallah (Mesir), Mahmud Taleqani (Iran) dan Nurcholish Madjid (Indonesia) menganggap persoalan tersebut sebagai persoalan ijthadi yang diserahkan sepenuhnya kepada kaum Muslimin.<sup>1</sup>

---

1 Luthfi Assyaukanie, dalam wacana "Wacana Islam Liberal di Timur Tengah." Di Teater Utana Kayu (TUK), Jakarta, Rabu, 21 Februari 2001, dlm. Islam Liberal oleh

Islam Liberal juga mendewakan moderniti sehingga Islam harus disesuaikan dengan kemodenan. Menurut Luthfie, jika terjadi konflik antara ajaran Islam dan pencapaian modeniti, maka yang harus dilakukan bukan menolak modeniti, tetapi mentafsir kembali ajaran tersebut. Di sinilah inti dari sikap dan doktrin Islam Liberal, menurut Luthfie.<sup>2</sup>

Pemikiran Islam Liberal, jika begitu, adalah selari dengan strategi baru musuh-musuh Islam untuk memerangi Islam dalam kerangka peperangan pemikiran, politik dan ketenteraan yang dinamakan sebagai *The Clash of Civilization*. Ia merangkumi strategi dan penggunaan kekerasan bagi menghapuskan apa yang dinamakan sebagai teroris. Nama yang sengaja dicipta untuk memerangi Islam secara psikologi dan ketenteraan.

Pemikiran asal yang menyamakan semua agama adalah daripada pemikiran yang disebut sebagai tradisionalisme. Tradisionalisme digagaskan untuk menghasilkan asas falsafah bagi mempertahankan agama dalam menghadapi arus ganas pembangunan modernisasi yang berpaksikan sekularisme. Usaha ini, bagaimana pun, telah dirampas oleh golongan sekularis. Tujuan golongan sekularis ialah untuk menjadikan agama sebagai alat bagi mengekalkan tamadun Barat dengan membina kefahaman agama sebagai elemen pembentukan fikiran yang menyokong peradaban dan tamadun itu. Terutama bagi memantapkan fahaman mengenai kebebasan beragama. Fahaman yang menyamakan semua agama yang disarankan oleh John Hick dan Smith menjadi prinsip asas dalam usaha melahirkan Islam Liberal di kalangan umat Islam. Namun begitu pengaruh pemikiran Gen'oun dan Schuon serta S.H.Nasr yang merupakan tokoh-tokoh tradisionalisme masih dimanfaatkan mereka untuk mendapatkan alasan teologi bagi golongan ini. Tetapi pemikiran ini hanya sekadar mempertahankan sikap inklusif dalam pemahaman agama yang mereka dukung.

---

Adian Husaini dan Nuim Hidayat, *Gema Insan* Jakarta, 2006, h.3.

2 Ibid.



Nilai-nilai yang diberikan gelaran sebagai nilai-nilai universal seperti demokrasi, persamaan gender, hak asasi manusia, kebebasan dan sekularism turut dijadikan nilai-nilai utama yang diperjuangkan golongan Islam Liberal. Kononnya untuk melakukan transformasi sosial dalam masyarakat Islam supaya memiliki kemampuan untuk bebas daripada belenggu kemunduran dan kemiskinan yang dialaminya. Penilaian ke atas aliran pemikiran Islam Liberal menampakkan fenomena *Intellectual consumerism* yang sangat jelas. Usaha membaratkan pemikiran Islam yang disalurkan menerusi pemikiran Islam Liberal ini mempengaruhi sebahagian daripada golongan intelektual di negara-negara Islam.

Walaupun di negara-negara Islam di Timur Tengah dan di kalangan sebahagian murid-murid para orientalis, pemikiran Islam Liberal ini mula mendapat perhatian, tetapi ia belum lagi meresap dengan mendalam di kalangan masyarakat umum. Namun, di Indonesia wacana Islam Liberal ini telah menjadi trend pemikiran yang aktif. Trend ini mempengaruhi banyak pihak di kalangan para intelektual, media arus perdana dan sebahagian daripada pemimpin dan pengikut organisasi massa terbesar di negara itu iaitu Nahdhatu al-Ulama' dan Muhammadiyah. Sekiranya kedua-dua organisasi massa terbesar itu dikuasai trend pemikiran Islam Liberal pastinya trend tersebut akan mudah diserapkan ke dalam masyarakat Islam Indonesia. Yang mengkusarkan, pendukung-pendukung trend pemikiran ini pintar memanfaatkan media massa untuk mengembangkan pemikiran mereka dengan hujjah-hujjah logik, ilmiah dan bersahaja yang belum dapat disanggah dengan cara yang sama oleh aktivis-aktivis Islam di Indonesia.

Setelah Nurcholish Madjid melancarkan gagasan sekularisasi dan idea-idea inklusif-pluralis melalui gerak-kerja Universiti Paramadina, kini kedar Nurcholish mengembangkan gagasannya secara lebih intensif melalui pertubuhan "Jaringan Islam Liberal. Jaringan Islam Liberal yang singkatnya JIL ini mula aktif pada Mac 2001. Kegiatan awal dilakukan dengan menggelar kelompok diskusi maya (milis) yang tergabung dalam [islamliberal@yahoo.com](mailto:islamliberal@yahoo.com), selain menyebarkan gagasannya

melalui website [www.islamliberal.com](http://www.islamliberal.com).

JIL kelihatan juga mengisi halaman Jawa Pos Mingguan dan 51 surat khabar jaringannya, dengan artikel dan wawancara mengenai pelbagai persoalan dari perspektif Islam Liberal. Tiap Khamis petang JIL menyiarkan wawancara langsung (talkshow) dan diskusi interaktif dengan para penyumbang Islam Liberal melalui Kantor Berita Radio 68H dan puluhan radio jaringannya. Selain itu media massa yang aktif melancarkan gagasan Islam Liberal diantaranya adalah Kompas, Tempo, Republika, majalah Tempo dan lain-lain.

Penglibatan Ketua Pembangkang di Malaysia Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam gerakan Islam Liberal mungkin boleh membawa aliran itu berkembang di negara ini. Sebagai pemimpin pembangkang, beliau mempunyai pengikut yang ramai dan menjadi idola kepada beberapa kalangan dari golongan muda anti-establishment. Institut Kajian Dasar yang ditubuh beliau semasa berada di dalam kerajaan menjadi pusat bagi mengembangkan idea-idea Islam Liberal ini melalui penerbitan buku-buku dan penyebaran risalah mengenai Islam Liberal.

Gerakan Islam Liberal baik di Indonesia juga di Malaysia memiliki dana yang banyak hasil kerjasama dengan institusi-institusi dan yayasan dari negara-negara Barat. Di Indonesia gerakan ini mendapat kerjasama dengan Yayasan Asia (Asia Foundation). Di Malaysia Yayasan yang sering berkerjasama dengan Institut Kajian Dasar ialah sebuah yayasan di bawah naungan Parti Kristian Demokrat German iaitu Yayasan Konard Adenuour. Dato' Seri Anwar Ibrahim juga mempunyai sumber kewangan yang besar yang mampu membiayai kegiatan-kegiatan IKD dan kegiatan-kegiatan politiknya serta menggerakkan jentera Parti Keadilan Rakyat yang dipimpinnya.

Ali Abd al-Raziq (1866-1966) dalam bukunya "Al-Islam Wa Usulu al-Hukm" telah menggariskan pemisahan antara agama dan peraturan-peraturan negara. Buku ini menjadi rujukan utama golongan Islam Liberal. Ali Abd. al-Raziq boleh dianggap tokoh awal Islam Liberal di dunia Islam. Ia menyeru kepada pemisahan antara kuasa agama dan kuasa politik, selari dengan pandangan tokoh-tokoh sekularis seperti



Faraj Faudah, Mohammad Khalafallah, Fuad Zakariyya dan lain-lain.

Tokok Islam Liberal kontemporer yang berpengaruh, tidak syak lagi ialah Profesor Fazlur Rahman (1919-1988) Beliau mengembangkan pemikiran-pemikiran liberalnya melalui para mahasiswa yang belajar dengannya, seperti yang disebutkan oleh salah seorang muridnya Syafi'i Maarif, yang juga salah seorang pendukung Islam Liberal di Indonesia seperti berikut,

*“ Bila bumi Islam belum peka terhadap imbauan-imbauannya, maka bumi yang lain yang juga bumi Allah telah menampungnya dan dari sanalah ia menyusun dan merumuskan pemikiran-pemikirannya tentang Islam sejak tahun 1970. Dan ke sanalah pula beberapa mahasiswa Muslim dari berbagai negeri Muslim belajar Islam dengannya.”*

Daripada bimbingan Fazlur Rahman lahir tokoh-tokoh Islam Liberal seperti Nurcholis Madjid, Syafii Ma'arif dan lain-lain yang giat mengembangkan pemikiiran Islam Liberal di Indonesia. Sedangkan di Timur Tengah pemikiran Islam Liberal itu dikembangkan oleh tokoh-tokoh intelektual seperti Mohammad Arkoun, Hamid Abu Zaid, Hasan Hanafi dan banyak lagi. Apakah fahaman-fahaman penting yang didukung oleh Islam Liberal? Kita ikuti perbincangan seterusnya.

**BAHAGIAN I:**  
**GAGASAN ISLAM LIBERAL**



# MENDUKUNG FAHAMAN PLURALISME

Golongan Islam Liberal antara pendukung faham pluralisme agama yang melihat agama-agama itu secara inklusif dan menolak faham agama yang dilakukan melalui pendekatan eksklusif. Faham yang melihat bahawa agamaku adalah benar dan agama-agama yang lain adalah salah, ditolak oleh golongan Islam Liberal. Bagi mereka, paradigma agama seperti itu penuh dengan prasangka teologis. Umpamanya dakwaan mengenai satu-satunya kebenaran, level kufur terhadap agama yang lain, ungkapan tidak ada penyelamatan selain daripada agamaku.

Bagi kaum Pluralis, mereka berkeyakinan bahawa semua pemeluk agama mempunyai peluang yang sama untuk memperoleh keselamatan dan masuk Syurga. Semua agama benar berdasarkan kriteria masing-masing. *Each one is valid within its particular culture*. Mereka percaya rahmat Allah itu luas “الخلق عيالي” firman Tuhan dalam Hadis Qudsi yang bermaksud “makhluk semuanya adalah familiKu” Semua makhluk itu keluarga besar Tuhan dan stara dengan mendapat rahmat dan kasih sayang Tuhan. Mereka tidak mengerti mengapa ada manusia yang berani membatasi kasih sayang Tuhan. Mereka heran mengapa ada orang yang mengambil alih wewenang Tuhan. Keberanian yang luar biasa dalam merampas wewenang Allah! Jamal al-Banna bertanya: “Apakah mereka yang memegang kunci-kunci Neraka? Apakah mereka yang menenggelamkan manusia ke dalam Neraka? Atas dasar apa mereka membangun kesimpulan itu? Bagaimana kesedaran mereka atas rahmat Allah yang tidak terbatas yang akan membalas satu kebaikan dengan tujuh ratus lipat kebaikan? Kasih sayang seorang ibu hanyalah satu daripada seratus kasih sayang-Nya. Dia tidak akan menenggelamkan manusia ke dalam Neraka, kecuali manusia pembangkang yang berbuat kerosakan dan kezaliman di muka bumi ini.”<sup>3</sup>

---

3 Ibid.h.21



Jalaluddin Rahmat pula menambah bahawa apa yang ditanyakan oleh Jamal al-Banna adalah juga pertanyaannya. Jawapannya juga adalah sama dengan jawapan al-Banna. Kasih sayang Tuhan jauh lebih luas daripada kasih sayang ibu kepada anak-anaknya. Inilah keinginan beliau dalam mengungkapkan faham liberalnya dan keyakinannya terhadap fahaman inklusif pluralism. Dalam mengungkapkan keyakinannya itu, beliau percaya bahawa fahaman itulah yang sebenarnya risalah yang dibawa oleh al-Qur'an.

Fahaman yang sama dikongsi oleh Ulil Abshar Abdalla. Baginya, semua agama adalah benar, dengan variasi, tingkat dan kadar kedalaman yang berbeda-beda dalam menghayati religiusitas itu. Maka *fastabiqu al-khairat*, kata al-Qur'an (QS 2:148); berlomba-lombalah dalam menghayati jalan religiusitas itu. Syarat dasar memahami Islam yang tepat adalah dengan tetap mengingat, apa pun penafsiran yang kita bubuhkan atas agama itu. Patokan utama yang harus menjadi batu uji adalah maslahat manusia itu sendiri.<sup>4</sup>

Bagi beliau tidak ada sesuatu lembaga agama, baik nilai atau ajaran yang tetap, melainkan prinsip-prinsip umum yang ditetapkan Tuhan. Jalan religiusitas adalah proses yang tak pernah selesai menuju ketundukan terhadap Tuhan. Semua agama adalah tepat berada pada jalan seperti itu, jalan panjang menuju Yang Maha Benar. Semua agama, dengan demikian adalah benar, dengan variasi, tingkat dan kadar kedalaman yang berbeda-beda dalam menghayati jalan religiusitas itu. Semua agama ada dalam satu keluarga.

Umat Islam, menurut beliau, hendaklah tidak memandang dirinya sebagai masyarakat atau umat yang terpisah dari golongan yang lain. Umat manusia adalah keluarga univesal untuk dipersatukan oleh kemanusiaan itu sendiri. Kemanusiaan adalah nilai yang sejalan bukan berlawanan dengan Islam. Larangan kahwin beza agama dalam hal ini

---

4 Ulil Abshar Abdullah, Menyegarkan Kembali Pemikiran Islam, Kompas, Senin, 18 November, 2002. Lih. juga, K.H. Abdusshomad Buchari, Santri Menggugat JIL & Sekte Pluralism Agama, Cit. 3, MUI Jawa Timur, 2007, hh. 43-44

antara perempuan Islam dengan lelaki non-Islam sudah tidak relevan lagi. Quran sendiri tidak pernah dengan tegas melarang itu, kerana al-Qur'an menganut pandangan universal tentang mertabat manusia yang sedarjat, tanpa melihat perbezaan agama. Segala produk hukum Islam klasik yang membezakan antara kedudukan orang Islam dan non-Islam harus diamandmenkan berdasarkan prinsip kesederjatan universal dalam tataran kemanusiaan ini.<sup>5</sup>

## AKAR FAHAM PLURALISME AGAMA

Fahaman Pluralisme Agama ini adalah produk tamadun Barat, walaupun bahan-bahan mentahnya mungkin juga berasal daripada bahagian-bahagian lain di dunia. Namun bahan-bahan itu diformulasikan di Barat menjadi satu produk intelektual yang kemudiannya diekspot kembali ke bahagian-bahagian lain di dunia yang pada umumnya di abad ini menjadi bahagian yang berbudaya konsumer, termasuk di bidang intelektual. Justeru fenomena *intellectual consumerism* itu adalah fenomena yang lumrah, termasuk di negara-negara Islam.

Jika diperhatikan dengan cermat, pembentukan dan kebangkitan tamadun Barat banyak dipengaruhi oleh pelbagai konflik dalam masyarakat tersebut. Di antara konflik yang boleh dinyatakan di sini ialah konflik antara kuasa temporal dengan gereja, konflik antara ilmu pengetahuan dengan agama, konflik antara kelas sosial, konflik antara faham sekular dan agama dan pelbagai konflik-konflik lain lagi yang melibatkan agama, politik, ekonomi dan sosial. Kerana banyaknya konflik yang berlaku dalam masyarakat Barat, sering pula terjadi peperangan yang menggugat keharmonian dalam masyarakat tersebut. Justeru, pelbagai perbincangan bagi mendapatkan solusi kepada permasalahan itu terus dicari dan dilontarkan sebagai penyelesaian.

5 Uliil Absar Abdalla, Menyegarkan Kembali Pemikiran Islam, dlm. Kompas, Senin, 18 November 2002, juga dlm. K.H. Abdusshomad Buchori, Santri Menggugat JIL & Sekte Pluralisme Agama, hh.37.



Salah satu daripada produk penyelesaian kepada konflik yang terjadi itu ialah faham pluralisme agama. Antara lain, konflik dalaman agama Kristian itu sendiri dan konflik antara agama dengan faham liberalisme sekular. Iaitu faham yang berkembang dalam masyarakat Barat akibat berlaku zaman pencerahan dan seterusnya kebangkitan yang membawa kelahiran zaman moden di Eropah. Juga akibat daripada hubungan masyarakat Barat dengan dunia luar yang menempatkan bangsa-bangsa yang non-Kristian di bahagian dunia tersebut.

Golongan yang mempromosikan konsep pluralisme agama ini bukan satu bahkan pelbagai golongan yang dapat disimpulkan kepada dua golongan yang membawa mesej yang berbeza. Pertama ialah golongan yang mempromosikan teologi global (global theology) yang lebih bersifat liberal dengan tujuan untuk meminimumkan pegangan terhadap agama untuk menyokong faham sekular bagi memantapkan masyarakat liberalisme sekular. Sekurang-kurangnya lahir masyarakat yang longgar pegangan agamanya walaupun tidak mencapai tahap masyarakat bebas agama sebagaimana yang diperjuangkan oleh penganut-penganut fahaman komunisme. Golongan ini membina kerangka pemikiran pluralisme menerusi kajian sosiologi. Kajian mengenai agama sebagai gejala sosial telah melahirkan disiplin ilmu yang dinamakan sebagai ilmu sosiologi agama.

Perkembangan ilmu ini memperlihatkan pentingnya peranan agama dalam masyarakat moden dan pasca moden atau zaman globalisasi. Agama, dilihat rintangan besar kepada globalisasi dan kerana itu persoalan agama perlu ditangani. Justeru, kebebasan agama dijadikan tema penting dalam wacana pluralisme golongan ini. Begitu juga dengan hak asasi manusia dan hak-hak gender. Semua isu itu dipusatkan kepada pentingnya kebebasan di dalam memperkasakan sistem liberal sekular sebagai sistem final kepada kehidupan umat manusia. Isu-isu ini seringkali dibangkitkan dalam program dialog antara agama yang dijadikan agenda penting dalam usaha mengembangkan faham ini. Penganut teologi global ini telah berjaya mempengaruhi banyak pendeta-pendeta Kristian yang kemudiannya menerima saranan

golongan ini dan beranggapan bahawa faham-faham yang dibawa oleh liberalisme sekular itu sebagai benar dan manifestasi daripada ajaran Bible. Ia sebagai satu keharusan yang tidak dapat ditolak.<sup>6</sup> Seorang ahli teologi Jerman bernama Friedrich Gogarten berkata bahawa sekularisme ialah akibat sah daripada impak kepercayaan Bible terhadap sejarah.<sup>7</sup>

Sebenarnya sekularisasi itu sendiri sangat kontroversial di kalangan orang-orang Kristian. Sebab mereka melihat pemikiran ini dapat menghancurkan agama Kristian. Namun mereka harus menerima pemikiran itu kerana hegemoni Barat yang sangat kuat dan trauma Barat terhadap hegemoni Gereja Kristian di masa lalu. Sejumlah ahli teologi Kristian seperti Dietrich Bonhoeffer dan Paul Tillich memahami akan datangnya krisis agama dan teologi akibat proses sekularisasi yang dilihat oleh banyak orang sebagai proses yang tidak terelakkan dan menyebarkan ke seluruh dunia seperti penularan yang terlalu cepat. Kerana tidak mampu menghadapi penyakit menular-yakni sekularisasi- yang hebat itulah maka yang terjadi pada hakikatnya bukanlah pengkristianan Barat, tetapi pembaratan Kristian. E.L. Mascall dalam bukunya *The Secularization of Christianity* menyatakan bahawa bukannya memasukkan dunia ke dalam Kristian malah memasukkan Kristian ke dalam sekular.<sup>8</sup>

Faham pluralisme yang dibentuk berasaskan kepada agenda liberalisme sekular ini telah lama mempengaruhi masyarakat Islam. Banyak di kalangan golongan sekular di dunia Islam melihat agama hanya persoalan individu. Bahkan sistem kehidupan dan bernegara telah diasingkan daripada agama. Walaupun kebanyakan mereka masih mengekalkan kecintaan kepada Islam, tetapi pemahaman dan penghayatan mereka terhadap ajaran Islam hanya sekadar ritual semata-mata. Mereka tidak melihat Islam sebagai sistem yang membina tamadun. Atau mereka beranggapan bahawa sistem Islam seperti itu

6 Lih. Harvey Cox, *The Secular City : Secularization and Urbanization in Theological Perspective*, New York, The Macmillan, 1967, hh 19-32.

7 Ibid.

8 S.M.Naquib Al-Attas, *Islam and Secularism*, ISTAC, Kuala Lumpur, 1993, hh 2,5.



telah ketinggalan zaman dan tidak relevan lagi. Fungsi agama di dalam masyarakat tidak lagi dominan dan telah terpinggir di dalam membuat keputusan untuk membangunkan negara.

Golongan kedua ialah golongan yang dikenali sebagai Kesatuan Transenden Agama-Agama (*Transcendent Unity of Religion*) dilahirkan untuk mempertahankan agama dan menentang usaha menghapuskan agama atau meminggirkan agama daripada masyarakat. Golongan ini mengemukakan faham pluralisme sebagai sebuah filosofi agama yang menemukan pelbagai agama pada akar yang sama. Falsafah ini dijadikan pula asas kepada usaha memperkasakan pegangan agama dan menjadikan agama sebagai penyelesaian kepada konflik yang terjadi di dalam masyarakat. Faham ini kemudiannya dikembangkan sebagai faham universal untuk mengwujudkan persefahaman antara agama bagi menghasilkan keamanan dunia. Faham ini turut dikembangkan ke serata dunia, termasuk negara-negara Islam.

Gerakan ini menjadi daya tarikan di kalangan beberapa orang serjana Islam yang antara lain kerana pengasas-pengasas faham ini seperti Rene' Guenon dan Fritjhof Schuon dikatakan telah menganut agama Islam dan mendalami ilmu-ilmu tasawwuf dari ulama-ulama tasawwuf di negara-negara Islam Afrika Utara iaitu Mesir, Algeria dan Maroko. Ia diperkukuhkan pula dengan penglibatan seorang intelektual muslim yang ternama iaitu Prof. Sayed Husain Nasr yang asal Iran yang mempunyai banyak murid-muridnya daripada pelbagai negara Islam, termasuk Malaysia dan Indonesia. Tetapi bukan itu sahaja, bahkan elemen *intellectual consumerism* yang dimiliki oleh serjana-serjana Islam itu sendiri menjadi penyebab bagi penukilan pemikiran pluralisme itu ke dalam masyarakat Islam dan dikembangkan sebagai penyelesaian kepada persoalan kemajmukan dalam negara Islam.

Ada baiknya kita berkenalan secara ringkas dengan ketiga-tiga tokoh pluralisme ini sebagai latarbelakang perbincangan kita seterusnya. Pertama kita perkenalkan Rene' Guenon yang dilahirkan pada 15 November, 1886 di Blois, Prancis. Beliau berminat sejak awal lagi kepada

pengajian mistik dan aliran pemikirannya di peringkat awal banyak dipengaruhi oleh pemikiran Gerard Encausse iaitu seorang tokoh pendiri Masyarakat Teosofi (*Theosophical Society*) di Prancis yang juga seorang tokoh *freemason* yang menguasai wacana-wacana tentang hal-hal mistik. Di sekolah Encausse, Gue'non lebih intensif dalam kajiannya tentang hal-hal mistik. Di sekolah ini juga Gue'non berkenalan dengan sejumlah tokoh *freemason*, teosofi dan berbagai gerakan spiritual yang lain. Minat mendalam Gue'non terhadap kegiatan gerakan teosofi ini begitu menonjol. Hal ini kelihatan ketika ia aktif menganjurkan berbagai kongres, seminar, diskusi dan aktiviti-aktiviti lain mengenai mistik dan freemason di Prancis. Ringkasnya *freemason* merupakan minat Gue'non yang terbesar sepanjang hidupnya.<sup>9</sup> Beliau memeluk Islam pada tahun 1912 dengan nama Islamnya Abdul Wahid Yahya. Tetapi pandangannya tidak banyak berubah setelah ia memeluk agama Islam. Ia tetap berpandangan bahawa ilmu yang utama sebenarnya adalah ilmu spiritual. Meskipun ilmu-ilmu yang lain harus tetap dicari. Namun ia akan hanya bermakna dan bermanfaat jika dikaitkan dengan ilmu spiritual. Menurut Gue'non substance ilmu spiritual itu bersumber dari supernatural dan transenden. Ilmu tersebut adalah universal. Oleh sebab itu, ilmu tersebut tidak dibatasi oleh suatu kelompok agama tertentu. Ia adalah milik bersama semua Tradisi Primordial (*Primordial Tradition*) Perbezaan teknis yang terjadi merupakan jalan dan cara yang berbeda untuk merealisasikan kebenaran. Perbedaan tersebut, menurutnya, adalah sah kerana setiap agama memiliki kontribusinya yang unik untuk memahami Realities Akhir.<sup>10</sup>

Frithjof Schuon dilahirkan di Basel, Swiss pada 18 Jun 1907. Sewaktu kecil ia bersekolah di Basel. Setelah ayahnya meninggal dunia, ibunya membawa Schuon dan saudaranya kembali ke rumah keluarganya di Mulhouse Prancis. Beliau seterusnya menjadi penduduk dan warganegara Prancis. Kerana beliau membesar di Swiss dan Prancis

9 Robin Waterfield, Rene' Gue'non and the Future of The West: The life and writing of a 20th century Metaphysician, dlm ISLAMIA, Thn.1 No 3, September-November 2004, h.10

10 Ibid, h 11.



beliau sejak kecil lagi sudah menguasai dua bahasa iaitu Jerman dan Prancis. Semasa di Prancis beliau terdedah kepada hasil-hail karya Klasik dari timur dan tertarik menelaahnya dengan serius. Beliau juga turut menelaah karya-karya Gue'non dan terpengaruh kepada pemikiran Gue'non yang dapat dilihat dampaknya dalam pemikiran Schuon.

Schuon berkesempatan mempelajari bahasa Arab di sebuah masjid, sewaktu beliau tinggal di Paris. Pada tahun 1932 beliau, buat pertama kalinya berkunjung ke Algeria dan ke Afrika Utara. Di sana beliau mula terdedah kepada Sufism dan amat tertarik kepada bidang ini. Beliau mempelajari ilmu tasawwuf dan sempat berguru kepada seorang tokoh sufi di sana iaitu Sheikhal-Alawi (1869-1934) Kunjungan ke negara di Afrika Utara itu sangat meninggalkan kesan ke atas dirinya. Justeru, beliau membuat kunjungan susulan ke sana beberapa kali. Beliau dikatakan menganut agama Islam ketika berkunjung ke negara Afrika Utara dan menggunakan nama Islamnya sebagai Isa Nuruddin Ahmad al-Shadhili al-Darqawi al-Alawi al-Maryami.

Hubungan beliau dengan Gue'non tidak sahaja melalui pembacaan karya-karya Gue'non, tetapi juga melalui surat menyurat antara dua tokoh besar pluralisme ini. Pada tahun 1938 mereka bertemu di Kaherah, Mesir. Pada ketika itu Schuon singgah di Kaherah dalam perjalanannya ke India. Selain daripada negara-negara di Afrika Utara dan India, Schuon turut mengunjungi Amerika Barat dan mendalami kehidupan suku India. Pengamatannya terhadap suku kaum India tersebut direfleksikan dalam bukunya, *The Feathered Sun Plains Indians in Art and Philosophy*. Pada tahun 1980 Schuon dan isterinya berpindah ke Amerika Syarikat dan menetap di Indiana. Beliau tetap aktif menulis sehingga ke akhir hayatnya. Beliau meninggal dunia di Bloomington pada tahun 1998 pada umur kira-kira 91 tahun.

Seyyed Hossein Nasr dilahirkan pada 7 April, 1933 di Tehran, Iran. Bapanya Seyyed Valiallah seorang physician kepada keluarga diraja Parsi dan salah seorang pengasas pendidikan moden di Iran. Kedua

ibu bapanya berasal dari Kashaan. Professor Nasr berbicara dan menulis berasaskan kepada doktrin dan pandangan falsafah perennial dalam subjek-subjek falsafah, agama, kerohanian, muzik, seni, sains, sastera, dialog peradaban dan persekitaran.

Professor Nasr mendapat pendidikan awal di Firuz Bahram High School di Tehran sebelum dihantar ke Amerika Syarikat untuk meneruskan program pendidikannya sewaktu berumur tiga belas tahun. Beliau seorang pelajar cemerlang dan menerima pelbagai anugerah. Beliau ditawarkan biasiswa untuk menyambung pelajaran di MIT dalam bidang fizik dan beliau adalah pelajar undergraduate Iran pertama menyambung pelajaran di universiti itu. Di sini juga beliau mula belajar di bawah bimbingan Giorgio de Santillana di bidang-bidang lain seperti metafizik dan falsafah. Semasa pengajiannya ini beliau mula mengenali karya-karya tokoh terkemuka Perennial Frithjof Schuon. Faham pemikiran ini sangat memberi kesan ke atas S.H.Nasr dan merupakan acuan pembentukan pemikiran dan kehidupannya. Professor S.H.Nasr bersahabat dengan Frithjof Schuon selama lebih daripada lima puluh tahun dan karya-karyanya banyak dipengaruhi doktrin dan pandangan falsafah Perennial. Bahkan Schuon adalah guru spiritual kepada S.H.Nasr dan beliau sangat mengagumi gurunya itu. Karya-karya Schuon dianggap beliau sebagai anugerah dari langit.<sup>11</sup> Pada anggapan beliau kualiti yang ada pada karya-karya Schuon tidak terdapat pada karya orang lain dan ia adalah seorang figure yang terhebat dalam aliran ini.<sup>12</sup>

Seorang lagi tokoh pluralisme yang kuat pengaruhnya di kalangan pengikut-pengikut faham ini ialah John Hick. Ia dilahirkan pada tahun 1922 di England. Sejak zaman remaja lagi beliau menunjukkan minat di bidang falsafah dan agama dengan galakan dan dorongan bapa saudaranya seorang pengarang dan guru di Universiti Manchester. Pada mulanya Hick mengambil bidang undang-undang bagi menghasilkan degree peringkat pertamanya dari Universiti Hull. Beliau kemudiannya menganut agama Kristian mazhab Evangelican dan membuat keputusan

11 S.H.Nasr, *The Essential Writing*, h.16, dlm. ISLAMIA, op.cit. h.12

12 S.H. Nasr, *Sacred Science*, h.63, dlm. *ibid*.

Pemikiran asal yang menyamakan semua agama adalah daripada pemikiran yang disebut sebagai tradisionalisme. Tradisionalisme digagaskan untuk menghasilkan asas falsafah bagi mempertahankan agama dalam menghadapi arus ganas pembangunan modernisasi yang berpaksikan sekularisme. Usaha ini, bagaimana pun, telah dirampas oleh golongan sekularis. Tujuan golongan sekularis ialah untuk menjadikan agama sebagai alat bagi mengekalkan tamadun Barat dengan membina kefahaman agama sebagai elemen pembentukan fikiran yang menyokong peradaban dan tamadun itu. Terutama bagi memantapkan fahaman mengenai kebebasan beragama. Fahaman yang menyamakan semua agama yang disarankan oleh John Hick dan Smith menjadi prinsip asas dalam usaha melahirkan Islam Liberal di kalangan umat Islam. Namun begitu pengaruh pemikiran Gen'oun dan Schuon serta S.H.Nasr yang merupakan tokoh-tokoh tradisionalisme masih dimanfaatkan mereka untuk mendapatkan alasan teologi bagi golongan ini. Tetapi pemikiran ini hanya sekadar mempertahankan sikap inklusif dalam pemahaman agama yang mereka dukung.

ISBN 978-967-12-728-1-7



Harga : RM25.00